



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR KAEDAH PENDAPATAN 2023**

**KDNK nominal Malaysia berjumlah RM1.8 trilion pada tahun 2023 dengan pampasan pekerja menyumbang 33.1 peratus**

**PUTRAJAYA, 25 JULAI 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2023. Statistik pendapatan yang dijana daripada pengeluaran dalam ekonomi merangkumi tiga komponen utama iaitu Pampasan Pekerja (PP), Lebihan Kendalian Kasar (LKK) dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import (Cukai bersih).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "KDNK nominal Malaysia berjumlah RM1.8 trilion pada tahun 2023, bertumbuh 1.6 peratus berbanding 15.8 peratus pada tahun sebelumnya. Walaupun prestasi sederhana, ekonomi kekal berdaya tahan terutamanya melalui Perbelanjaan penggunaan akhir swasta yang meningkat 6.7 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh penambahbaikan yang sedia ada dalam pekerjaan dan upah melalui pelaksanaan gaji minimum baharu sebanyak RM1,500 bermula Mei 2023. Berikutan penambahbaikan dalam pasaran buruh, PP merekodkan pertumbuhan yang kukuh 4.2 peratus sementara LKK menurun 1.8 peratus. Prestasi agihan pendapatan ini menunjukkan peralihan ke arah sumbangan PP yang lebih baik iaitu 33.1 peratus berbanding 32.3 peratus pada tahun 2022. Namun begitu, GOS masih menyumbang dengan ketara kepada KDNK pada 64.8 peratus walaupun 2.3 peratus lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Komponen selebihnya ialah Cukai bersih yang menyumbang sebanyak 2.1 peratus."

Melihat kepada prestasi sektoral yang lebih terperinci, peningkatan komponen PP yang merangkumi saraan yang diterima oleh pekerja untuk tenaga kerja mereka adalah didorong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. PP dalam sektor Perkhidmatan bertumbuh 4.3 peratus, disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor terutamanya Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Bagi sektor Pembuatan, PP mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus, disumbangkan oleh penyederhanaan dalam produk Elektrik, elektronik dan optik. Selain itu, PP dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian meningkat masing-masing 6.8 peratus dan 9.2 peratus, sementara PP dalam sektor Pertanian menunjukkan peningkatan marginal 0.7 peratus pada tahun 2023.

Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada PP, mewakili 62.5 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan 23.6 peratus. Secara keseluruhan, kedua-dua sektor ini merangkumi 86.1 peratus daripada keseluruhan PP, menggambarkan peranan penting dalam ekonomi. Sementara itu, Sektor Pembinaan dan Pertanian masing-masing menyumbang 8.1 peratus dan 3.5 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian merupakan penyumbang terkecil, 2.2 peratus kepada keseluruhan PP.

Beliau menambah bahawa penurunan dalam LKK dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan mendadak dalam sektor Perlombongan & pengkuarian (-12.1%), Pertanian (-13.2%) dan Pembuatan (-5.6%). Kejatuhan harga komoditi pada tahun 2023 telah menjelaskan keuntungan merentasi sektor-sektor ini, sekaligus menyumbang kepada penurunan ketara keseluruhan LKK. Namun, penyusutan ini sebahagiannya diperlakukan dengan pertumbuhan dalam sektor Perkhidmatan dan Pembinaan masing-masing pada 5.3 peratus dan 1.3 peratus. Dari aspek komposisi LKK, sektor Perkhidmatan mendahului dengan 52.9 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan pada 23.3 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pertanian masing-masing menyumbang 12.0 peratus dan 10.2 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 1.6 peratus daripada LKK pada tahun 2023.

Cukai bersih, komponen yang mewakili sumber pendapatan kepada Kerajaan, menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 242.0 peratus atau RM37.7 bilion pada tahun 2023, disokong oleh hasil cukai yang lebih tinggi berbanding penurunan dalam subsidi. Cukai ke atas pengeluaran dan import meningkat 3.1 peratus, didorong oleh pertumbuhan dalam cukai perkhidmatan dan duti import. Sementara itu, kemerosotan Subsidi yang ketara pada 34.2 peratus dipengaruhi terutamanya oleh penyusutan subsidi petroleum dan diesel.

Dalam konteks perbandingan antarabangsa, komposisi PP di rantau Asia Tenggara adalah lebih rendah, menyumbang kurang daripada 40 peratus daripada KDNK, manakala sumbangan LKK adalah lebih besar. Berbanding dengan ekonomi maju seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Kanada, PP menyumbang lebih besar daripada LKK, masing-masing pada 53.1 peratus, 52.4 peratus dan 51.1 peratus. Cukai bersih membentuk sumbangan yang kecil dalam KDNK di negara-negara terpilih, dengan Malaysia mencatatkan sumbangan terendah sebanyak 2.1 peratus, menggambarkan perbezaan dasar fiskal antara negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 25 Julai 2024**


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian".

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
25 JULAI 2024**

### Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan Komponen Pendapatan




### Carta 2: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Pampasan Pekerja mengikut Sektor




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 25 Julai 2024


**Carta 3: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Lebihan Kendalian Kasar mengikut Sektor**



**Carta 4: Prestasi Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import**



### Carta 5: Sumbangan Komponen Pendapatan kepada KDNK bagi Negara Terpilih, 2023



Sumber: Pengiraan berdasarkan laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT** **GROSS DOMESTIC PRODUCT INCOME APPROACH 2023**

***Malaysia's nominal GDP amounted to RM1.8 trillion in 2023 with compensation of employees constitutes 33.1 per cent***

**PUTRAJAYA, 25 JULY 2024** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the statistics of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) Income Approach for the year 2023. The income statistics from economic production include three key components, namely Compensation of Employees (CE), Gross Operating Surplus (GOS) and Taxes less Subsidies on Production and Imports (Net taxes).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Malaysia’s nominal GDP amounted to RM1.8 trillion in 2023, grew 1.6 per cent as compared to 15.8 per cent in the previous year. Despite the moderated performance, the economy remained resilient particularly through Private final consumption expenditure that increased 6.7 per cent. The growth was propelled by ongoing enhancement in employment and wage through the implementation of new minimum wage of RM1,500 starting May 2023. Given the improvements in labour market, CE recorded a steady growth of 4.2 per cent while GOS declined by 1.8 per cent. The performance of the income distribution showed a shift towards a better share of CE at 33.1 per cent compared to 32.3 per cent in 2022. Nevertheless, GOS still contributed substantially to the GDP at 64.8 per cent although 2.3 per cent lower than the previous year. The remaining component was Net taxes, which accounted for 2.1 per cent.”

Looking at detailed sectoral performance, the increase in the CE component, encompassing the remuneration received by employees for their labour was driven by the Services, Manufacturing and Construction sectors. CE in Services sector grew 4.3 per cent, supported by growth in all sub-sectors, particularly Wholesale and retail trade, food & beverages and accommodation. As for the Manufacturing sector, CE registered 3.3 per cent growth, led by the moderation in Electrical, electronic and optical products. Furthermore, CE in Construction and Mining & quarrying sectors rose 6.8 per cent and 9.2 per cent, respectively, while CE in Agriculture sector showed a marginal increase of 0.7 per cent in 2023.

The Services sector was the largest contributor to the CE, represented 62.5 per cent, followed by the Manufacturing sector with 23.6 per cent share. Collectively, these sectors made up 86.1 per cent of overall CE, reflecting a significant role in the economy. While, the Construction and Agriculture sectors accounted for 8.1 per cent and 3.5 per cent, respectively. The Mining & quarrying sector contributed the smallest share, 2.2 per cent of total CE.

He added that the decline in GOS was primarily influenced by the sharp downturn in Mining & quarrying (-12.1%), Agriculture (-13.2%) and Manufacturing (-5.6%) sectors. The fall of commodity prices in 2023 has lowered profitability across these sectors, leading to a marked decrease in overall GOS. Nevertheless, the contraction was partially alleviated by the growth in the Services and Construction sectors at 5.3 per cent and 1.3 per cent, respectively. In terms of composition of GOS, the Services sector led with a 52.9 per cent share, followed by the Manufacturing sector at 23.3 per cent. The Mining & quarrying and Agriculture sectors made up 12.0 per cent and 10.2 per cent, respectively. Meanwhile, the Construction sector accounted for 1.6 per cent of GOS in 2023.

Net taxes, a component which represents the source of income for the Government, showed a remarkable growth of 242.0 per cent or RM37.7 billion in 2023, attributed to the higher taxation revenue as compared to a decrease in subsidies. Taxes on production and imports increased by 3.1 per cent, driven by the growth in services tax and import duty. Meanwhile, a significant drop in Subsidies, at 34.2 per cent was mainly influenced by the decline in petroleum and diesel subsidies.

In the context of international comparison, the composition of CE in the South East Asia region is notably lower, accounting for less than 40 per cent of GDP, while GOS makes up a larger share. As opposed to advanced economies such as the United States, Germany and Canada, CE constitutes a greater share than GOS at 53.1 per cent, 52.4 per cent and 51.1 per cent, respectively. Net taxes formed a smaller share of GDP in the selected countries, with Malaysia recorded the lowest contribution of 2.1 per cent, reflecting the differences of fiscal policy among countries.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 25<sup>th</sup> July 2024**

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
25 JULY 2024**


**Chart 1: Annual Percentage Change of Income Components**




**Chart 2: Annual Percentage Change of Compensation of Employees and Share by Sectors**




**Chart 3: Annual Percentage Change of Gross Operating Surplus and Share by Sectors**



**Chart 4: Performance of Taxes less Subsidies on Production and Imports**



**Chart 5: Contribution of Income Component to GDP by Selected Countries, 2023**



Source: Calculation based on official website of selected National Statistical Office